

21 NOV 2003

DR MAHATHIR BERSEDIA DILANTIK PENASIHAT PETRONAS

ALOR STAR, 21 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tiada halangan menerima jawatan sebagai penasihat Petronas jika ditawarkan.

"Sebagai penasihat bolehlah, Tun Hussien (Onn) pun dulu penasihat Petronas juga," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini malam ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengadakan kunjungan ke daerah Kubang Pasu dekat sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau bersedia jika ditawarkan jawatan itu.

Bagaimanapun, beliau mengakui belum menerima sebarang surat tawaran untuk jawatan itu walaupun desas-desus mengatakan surat tawaran itu telahpun disampaikan oleh pengurusan Petronas hari ini.

"Saya akan tanya," jawabnya ringkas.

-- BERNAMA

MNH MAN BK